

## Akhhlak Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan

*Teacher's Good Behaviour in Implementation of Digital Alternative Assessment in Primary Schools*

**Suhaida Mohd Sukis\* & Norhisham Muhamad**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

\*Corresponding author: aidarifqi@gmail.com

**Received:** 12 July 2024; **Accepted:** 08 August 2024; **Published:** 09 January 2025

**To cite this article (APA):** Mohd Sukis, S., & Muhamad, N. (2025). Akhlak guru dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif digital Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 15–29. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.2.2025>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap akhlak guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan berdasarkan teori akhlak Islam al-Ghazali iaitu *al-hikmah*, *al-'iffah* dan *al-'adlu* dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital sebagai salah satu bentuk pentaksiran alternatif Pendidikan Islam. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan keratan rentas (*cross sectional*) yang menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Seramai 500 orang guru sekolah kebangsaan di Malaysia merupakan sampel kajian ini yang ditentukan berdasarkan teknik pensampelan kelompok pelbagai peringkat (*multistage cluster sampling*). Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang menggunakan skala likert lima mata yang telah disahkan oleh pakar dalam pelbagai bidang pendidikan yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Hasil kajian menunjukkan tahap akhlak guru Pendidikan Islam secara keseluruhan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital adalah tinggi. Dapatkan kajian menunjukkan tahap akhlak *al-'adlu* mempunyai nilai min yang paling tinggi. Diikuti dengan akhlak *al-'iffah* dan *al-hikmah* yang menunjukkan tahap tinggi pada nilai min. Sumbangan kajian telah menghasilkan 'Qudwah Hasanah Akhlak Guru' dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital yang diharapkan menjadi ikutan dan panduan kepada semua guru di Malaysia khususnya dan di dunia Islam umumnya selain memberi maklumat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani isu yang melibatkan pentaksiran digital di sekolah kebangsaan.

**Kata Kunci:** Akhlak Guru, Guru Pendidikan Islam, Pentaksiran Alternatif Digital, Al-Ghazali

### Abstract

This study aims to see the good behaviour level of primary school Islamic Education teachers based on al-Ghazali's Islamic good behaviour theory, namely *al-hikmah*, *al-'iffah* and *al-'adlu* in the implementation of Digital Alternative Assessment as one form of alternative assessment of Islamic Education. The design of this study is a cross-sectional survey that uses a quantitative approach to collect and analyze data. A total of 500 primary school teachers in

Malaysia are the sample of this study which was determined based on the multistage cluster sampling technique. This research instrument is a questionnaire that uses a five-point likert scale that has been verified by experts in various fields of education who are experienced and have good reliability values. The results of the study show that the moral level of Islamic Education teachers towards the implementation of Digital Alternative Assessment is high. The findings of the study show that the good behaviour level of *al- 'adlu* has the highest mean value. Followed by the good behaviour of *al- 'iffah* and *al-hikmah* which shows a high level on the mean value. The contribution of the study has resulted in the '*Qudwah Hasanah Akhlak Guru*' in the implementation of Digital Alternative Assessment which is expected to be followed and a guide for all teachers in Malaysia and in the Muslim world in general in addition to providing information to the Malaysian Ministry of Education to deal with issues involving digital assessment in primary schools.

**Keywords:** Teacher's Good Behaviour, Islamic Education Teachers, Digital Alternative Assessment, Al-Ghazali

## **Pendahuluan**

Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memartabatkan mata pelajaran Pendidikan Islam. Di antara usaha yang dilakukan adalah pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (KPM, 2018) melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di sekolah rendah (Sh. Siti Hauzimah, 2019). Pentaksiran merupakan komponen penting dalam mana-mana sistem pendidikan. Pentaksiran telah dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu secara sumatif dan formatif. Pentaksiran Alternatif Digital merupakan salah satu bentuk pentaksiran formatif. Transformasi teknologi digital pada masa kini telah membawa kepada perubahan dan pembaharuan dalam sistem pentaksiran seperti menggunakan aplikasi dan platform digital untuk mentaksir pencapaian murid. Pada tahun 2023, Dasar Pendidikan Digital (DPD, 2023) telah diperkenalkan dengan menggariskan enam teras hala tuju bagi mencapai transformasi dalam pendidikan digital. Dalam teras kedua, memfokuskan pembinaan guru kompeten digital yang berpengetahuan, berkemahiran dan berinovatif digital sebagai memberikan nilai tambah bagi menyokong proses PdP yang berkesan. Antara ciri guru kompeten digital ialah akhlak dan tingkah laku yang baik. Ia dibina dengan memiliki ilmu pengetahuan, mempunyai amalan profesionalisme, wujud dalam diri nilai etika kerja yang tinggi dan mempunyai sikap adil serta sahsiah yang mulia. Ciri-ciri guru kompeten tersebut adalah bertepatan dalam konsep akhlak guru *al-hikmah*, *al- 'iffah* dan *al- 'adlu* berdasarkan pandangan Imam al-Ghazali kitab *Ihya 'Ulumuddin*.

Pendidikan akhlak dalam Islam memberikan keutamaan melahirkan individu muslim yang baik. Selain ibu bapa, golongan pendidik merupakan golongan yang penting bagi membentuk peribadi dan akhlak murid di sekolah. Pendidikan Islam yang diajarkan kepada murid sentiasa menekankan kemahiran dan penghayatan ilmu bagi melahirkan insan yang bertakwa (Ab. Halim, Muhamad Faiz & Kamarul Azmi 2012). Guru juga perlu sentiasa berusaha bagi memperlihatkan imej Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan bersaling kait dengan ilmu yang lain (Wan Mohd Zahid, 1993). Guru yang berakhlak mulia mudah membentuk murid-murid agar peningkatan kecerdasan spiritual akan lebih mantap dan terjamin demi masa depan yang lebih baik di dunia dan akhirat (Sofiah Mohamed, et. al., 2016). Hal ini selari dengan Ab. Halim & Mohamad Khairul (2010) yang menegaskan bahawa guru perlu menjadi agen perubahan masyarakat dan boleh dijadikan suri teladan serta qudwah

hasanah. Akhlak Islamiah guru yang dilaksana dan diamalkan di dalam bilik darjah ketika melaksanakan pentaksiran digital merupakan satu perkara penting untuk murid-murid melihat, mendengar, mengambilnya sebagai contoh tauladan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Murid-murid memerlukan panduan dari guru dan perlu dididik dengan pendekatan akhlak yang baik seperti bersikap ihsan, adil, amanah, sukaikan ilmu pengetahuan dan mencegah perkara negatif secara berhikmah. Pendekatan akhlak Islam *al-hikmah*, *al-'iffah* dan *al-'adlu* wajar diamalkan oleh guru khususnya guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan Pentaksiran Alternatif Digital di sekolah kebangsaan.

### Pernyataan Masalah

Pelaksanaan pentaksiran alternatif digital memerlukan akhlak guru yang baik dalam membuat penilaian serta pertimbangan dalam proses pelaksanaan PBD. Guru perlu mengorganisasikan pengajaran dan pentaksiran mereka dengan baik agar objektif pengajaran tercapai dan menepati DSKP. Sehubungan itu, guru yang memiliki akhlak Islam *al-hikmah*, *al-'iffah* dan *al-'adlu* merupakan guru yang diharapkan dapat menggerakkan agenda kurikulum KPM. Guru perlu menghayati makna dan tujuan pendidikan, yang pada dasarnya tujuan pendidikan adalah untuk mengubah sikap dan tingkah laku (Rohana et al., 2019). Aspek penghayatan nilai agama dan akhlak hendaklah diberi perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan insan cemerlang dan bersahsiah tinggi (Siti Mariam, 2018). Menurut Nik Safiah et al. (2015), nilai keagamaan merupakan unsur yang paling penting dalam pembentukan sahsiah insan dan hendaklah dilakukan secara berterusan. Masalah kurangnya akhlak Islam dan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam merupakan satu fitrah yang memerlukan satu usaha untuk meningkatkan potensi diri dalam membangunkan akhlak Islam (Ahmad Fazullah, 2008).

Akhlik guru yang baik mendorong kepada nilai-nilai yang baik dalam kalangan murid. Dalam konteks akhlak guru *al-hikmah*, guru perlu memiliki pengetahuan dan kebijaksanaan dalam mengurus pentaksiran. Kebijaksanaan itu sering dikaitkan dengan pengetahuan yang dimiliki guru. Guru yang bijaksana akan sentiasa mencari ilmu dan menambah baik pengetahuan mereka dari masa ke semasa. Kajian Kalai Selvan (2015) menyatakan masalah guru kurang berpengetahuan terhadap penggunaan teknik PBD. Sebagai contoh, guru-guru menggunakan teknik soal jawab sebagai salah satu teknik pengajaran dan bukannya sebagai teknik PBD (Retnawati, Hadi & Nugraha, 2016). Hal ini berkemungkinan guru kurang pendedahan secara terperinci berkaitan PBD. Objektif pelaksanaan PBD juga perlu diketahui dengan jelas supaya guru dapat menghayati kebaikannya dan melaksanakannya hingga mampu mengembangkan potensi murid selaras dengan pelaporan pentaksiran pada akhir tahun dan bukan hanya sekadar menghasilkan sekeping kertas sahaja (Jacob dan Parkinson, 2015). Selain itu, isu guru kurang berpengetahuan melaksanakan pentaksiran mengikut garis panduan pelaksanaan PBD yang telah ditetapkan oleh KPM telah dikenal pasti oleh Sh Huzaimeh (2019). Menurut Noorzeliana, et al., (2014), isu kekurangan pengetahuan dan kemahiran serta sumber yang boleh dijadikan panduan ini menyebabkan berlakunya ketidakayakinan guru dalam menjalankan pentaksiran. Kajian dan pandangan Muhammad Izzat (2021) menyatakan masih ramai lagi guru yang belum menguasai kemahiran digital dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru yang belum menguasai kemahiran digital menyebabkan pelaksanaan pentaksiran digital sukar dijalankan. Kenyataan ini disokong oleh Baker et al., (2012) Mohamed Nazul Ismail (2020) Oriji dan Amadi (2016) yang menyatakan tidak semua guru berfikiran terbuka dan memanfaatkan teknologi dalam dunia pendidikan. Kalai Selvan (2020) bersetuju terdapat segelintir guru yang kurang kemahiran menggunakan ICT sebagai medium dalam pengajaran mereka. Walau bagaimanapun kenyataan ini bertentangan dengan Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan (2019) yang menyatakan tahap pengetahuan guru adalah tinggi

terhadap penggunaan teknologi mudah alih. Ia bertepatan dengan kajian Joshi (2020) yang mendapati kemahiran digital dalam kalangan guru semakin meningkat. Pelaksanaan PBD yang dilaksanakan tanpa pengetahuan akan menimbulkan masalah pada perkembangan murid (Mazarul et al., 2021).

Akhlik guru *al- ‘iffah* dan *al- ‘adlu* mengandungi nilai etika dan keadilan guru dalam pentaksiran yang dilaksanakan. Guru perlu memainkan peranan dalam mengendalikan PBD dengan lebih baik, jujur, adil dan telus dalam melaksanakan pentaksiran. Pelaporan PBD yang dibuat secara melulu, bias dan tidak tepat boleh menimbulkan permasalahan ketidakpercayaan dan keraguan dalam kalangan ibubapa (Ashma et al., 2022). Dalam hal ini, Ali & Veloo (2017) senada dengan kenyataan tersebut dan mendapati terdapat guru yang tidak amanah dalam melaksanakan pentaksiran yang membawa kepada pelaporan yang tidak tepat iaitu bias dan tidak adil dalam memberi tahap penguasaan kepada murid. Aniza (2015) pula menjelaskan guru tidak mahu mengubah diri untuk melakukan pembaharuan. Kajian Hasmadi dan Artika (2019) mendapati bahawa perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan PBD masih menjadi isu utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam. Guru juga dikatakan masih berasa takut dan bimbang terhadap sebarang perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan (Keddie, 2018). Guru perlu sedar bahawa perubahan tidak akan berlaku jika guru tidak yakin tentang keperluan untuk berubah dan bersedia untuk berubah (Norazilawati et al., 2013). Keupayaan guru sangat penting dalam melaksanakan segala dasar baharu dalam Pendidikan. Semua ini merupakan isu berkaitan akhlak guru *al- ‘iffah* dan *al- ‘adlu* yang perlu ditangani dengan baik. Transformasi dalam pentaksiran merupakan satu proses perubahan ke arah penambahbaikan PdP (Mohd Huzaimi et al. 2020), maka seharusnya teknologi digital ini perlu dimanfaatkan seiring dengan akhlak Islam guru al-Ghazali dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah kebangsaan.

## **Objektif Kajian**


Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti tahap akhlak guru *al-hikmah* (pengetahuan) terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan.
2. Mengenal pasti tahap akhlak guru *al- ‘iffah* (nilai etika) terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan.
3. Mengenal pasti tahap akhlak guru *al- ‘adlu* (sikap adil) terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan.

## **Tinjauan Literatur**

Pentaksiran alternatif merupakan salah satu sistem pentaksiran baharu yang digunakan untuk menilai kebolehan dan pencapaian pelajar secara holistik dan autentik yang menjurus aspek “know-how” yang bukan semata mengukur prestasi tertentu atau bukan berdasarkan aspek penguasaan pengetahuan atau pengukuran semasa peperiksaan (Haziyah et al., 2021). Pendidikan Digital bermaksud suatu proses pengintergrasian teknologi digital dalam pendidikan bagi guru-guru mencapai objektif-objektif semasa proses Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dijalankan (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Manakala pentaksiran alternatif digital pula merupakan salah satu daripada kaedah pentaksiran alternatif. Ianya dapat diertikan sebagai kaedah pentaksiran yang bukan dalam bentuk konvensional (kaedah peperiksaan -pensel kertas), menggunakan platform dan aplikasi digital atau berbantuan alat teknologi dan menggabungkan aspek penilaian sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran untuk menilai prestasi murid dalam pembelajaran secara holistik (Suhaida

et. al, 2022). PA-Digital yang dilaksanakan di sekolah merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran seiring dengan pelaksanaan PBD, salah satu komponen PBS yang berfokus kepada perkembangan dan kemenjadian murid secara holistik sepertimana dalam Rajah 1.




Rajah 1 Konsep Pentaksiran Alternatif Digital

Proses pentaksiran menekankan kepada aspek akhlak seorang guru. Dalam konteks ini, Imam al-Ghazali mendefinisikan akhlak itu sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan daripadanya terbentuk perbuatan spontan tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu (Abdul Munir, 2018). Menurut Mohd Asri (2010), apabila keadaan seseorang melakukan perkara baik dan terpuji, ia dinamakan akhlak baik. Sekiranya perlakuan itu buruk, ia dinamakan akhlak buruk. Secara keseluruhannya, akhlak dari segi istilah ialah sifat-sifat atau nilai yang lahir dari seseorang tanpa dipaksa dan ianya bertindak dengan sendiri. Akhlak ini boleh dikategorikan sebagai akhlak mahmudah (baik) dan akhlak mazmumah (buruk). Akhlak juga merupakan perbuatan Zahir dan batin. Aspek Zahir melibatkan perbuatan luaran manakala aspek batin melibatkan keadaan dalaman seseorang. Akhlak mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan iman. Justeru setiap individu muslim adalah dituntut untuk mengamalkan akhlak Islam yang baik.

Imam al Ghazali (2003) menjelaskan akhlak guru boleh dikategorikan kepada dua, iaitu akhlak positif dan akhlak negatif. Akhlak positif lahir daripada jiwa dan pemikiran yang rasional dan juga patuh kepada agama, sebaliknya Tindakan yang bertentangan dengan pemikiran yang rasional dan agama dikenali sebagai akhlak negatif. KPM menggariskan lima prinsip etika kerja, iaitu niat yang betul, perlakuan yang baik, penggerak kea rah kebaikan, memperkatakan apa yang diperkatakan, berdisiplin dan beradab, serta tujuh nilai utama termasuk amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, Ikhlas dan penyayang yang dikaitkan dengan akhlak guru yang wajib diterapkan dalam profesion guru (KPM, 2001)

Menurut al-Ghazali, seseorang guru yang mempunyai akhlak yang mulia merupakan individu yang memiliki ciri-ciri tertentu (Aslina Ahmad et. al, 2018). Ciri-ciri tersebut ialah *al-hikmah*, *al-’iffah* dan *al- ’adlu*. Antara maksud *Al-hikmah* ialah kebijaksanaan. Dengan kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan yang dimiliki guru, maka kehidupan yang dilalui juga tenang dan memenuhi tuntutan agama, profesion dan masyarakat. Guru yang mempunyai akhlak *al- ’iffah* merupakan guru yang mampu menjaga diri dari melakukan perkara yang tidak baik melaui keluhuran budi pekerti, tunduk dan patuh kepada batasan syarak. Guru yg mempunyai akhlak *al- ’iffah* ini akan sentiasa mempunyai nilai etika yang tinggi dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai seorang guru. Manakala guru yang mempunyai akhlak *al’adlu* pula merupakan guru yang berupaya mencegah kemarahan dan

hawa nafsu. Dengan kemampuan tersebut, guru ini boleh mencapai tahap adil dalam melakukan apa juga tindakan. Sikap adil yang tertanam dalam diri berupaya membimbing guru ke arah keselamatan, ketenteraman dan kebahagiaan hakiki, sepetimana ditunjukkan Rajah 2. Kesimpulannya, akhlak guru ini merupakan elemen yang sangat penting dalam menggambarkan keseluruhan imej dan profesion guru. Akhlak guru yang baik sangat diperlukan dalam melaksanakan Pentaksiran Alternatif Digital di sekolah kebangsaan.



*Rajah 2 Kerangka Teori berasaskan pandangan Imam al-Ghazali*

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan instrument soal selidik dalam pengumpulan data. Seramai 500 orang guru Pendidikan Islam tahap 1 dan tahap 2 di sekolah kebangsaan telah dipilih sebagai responden dengan menggunakan teknik pensampelan kelompok pelbagai peringkat (*multistage cluster sampling*). Teknik ini digunakan di sebabkan faktor kawasan geografi yang luas. Jumlah sampel yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi saiz penentuan sampel kajian yang diperlukan (Krejcie & Morgan, 1970). Soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan kesahan kandungan serta konstruknya oleh pakar dan dijalankan kajian rintis.

## **Dapatan Kajian**

Dapatan menunjukkan tahap *akhlik* responden *al-hikmah* ( $M=4.06$ ,  $SD=0.42$ ), *al-'iffah* ( $M=4.07$ ,  $SD=0.45$ ) dan *al-'adlu* ( $M=4.16$ ,  $SD=0.46$ ) terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif digital berada pada tahap tinggi seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

*Jadual 1: Tahap Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital*

<b>Dimensi Akhlak Pendidikan Islam</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Interpretasi Skor</b>
<i>Al-Hikmah</i> (Pengetahuan)	500	4.06	0.427	Tinggi
<i>Al-'Iffah</i> (Etika)	500	4.07	0.458	Tinggi
<i>Al-'Adu</i> (Adil)	500	4.16	0.461	Tinggi

### (a) Tahap Akhlak al-Hikmah Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital

Tahap pengetahuan responden dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital dikenal pasti berdasarkan 12 item yang terdapat dalam Bahagian B. Item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STS = Sangat Tidak Setuju, (2) TS = Tidak Setuju, (3) KS = Kurang Setuju (4) S = Setuju dan (5) SS = Sangat Setuju. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Berikut diuraikan secara terperinci tentang item-item yang menunjukkan maklum balas responden tentang *al-Hikmah* (pengetahuan) responden dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital.

*Jadual 2 Analisis Item al-Hikmah (Pengetahuan) Dalam Pelaksanaan PA-Digital*

<b>Penyataan</b>	Kekerapan & Peratusan						<b>S.P</b>	<b>Mm</b>	<b>Inter-interpretasi</b>
	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>				
<b>Konsep PBD &amp; PA-Digital</b>									
1 Saya tahu konsep pelaksanaan PBD berdasarkan buku Panduan Pelaksanaan PBD oleh KPM.	-	1 (0.2)	34 (6.8)	335 (67.0)	130 (26.0)	4.19	.549		Tinggi
2 Saya tahu data pentaksiran bukan untuk perbandingan antara murid	-	4 (0.8)	45 (9.0)	306 (61.2)	145 (29.0)	4.18	.616		Tinggi
3 Saya tahu PA-Digital merupakan sebahagian daripada pelaksanaan PBD.	-	-	84 (16.8)	357 (71.4)	59 (11.8)	3.95	.533		Tinggi
4 Saya tahu PA-Digital dilakukan dengan menggunakan platform dan aplikasi digital atau berbantuan alat teknologi	1 (0.2)	-	89 (17.8)	359 (71.8)	51 (10.2)	<b>3.92</b>	.540		Tinggi
5 Saya tahu PA-Digital adalah pentaksiran holistik.	-	1 (0.2)	70 (14.0)	357 (71.4)	72 (14.4)	4.00	.541		Tinggi
6 Saya tahu setiap pentaksiran perlu merujuk standard prestasi (DSKP) Pendidikan Islam.	-	-	31 (6.2)	284 (56.8)	185 (37.0)	<b>4.31</b>	.581		Sangat Tinggi
<b>Objektif PBD &amp; PA-Digital</b>									
7 Saya tahu pelaksanaan PA-Digital dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam Pendidikan Islam.	-	2 (0.4)	61 (12.2)	335 (67.0)	102 (20.4)	4.07	.581		Tinggi
8 Saya tahu melalui PA-Digital, guru dapat mengesan tahap perkembangan penguasaan murid.	-	3 (0.6)	73 (14.6)	341 (68.2)	83 (16.6)	4.01	.580		Tinggi
<b>Ciri-Ciri PBD &amp; PA-Digital</b>									
9 Saya tahu PA-Digital dirancang oleh guru untuk menilai murid sendiri.	-	1 (0.2)	57 (11.4)	351 (70.2)	91 (18.2)	4.06	.548		Tinggi
10 Saya tahu kaedah PA-Digital ialah secara lisan, pemerhatian, penulisan, kendiri dan rakan sebaya.	-	-	60 (12.0)	349 (69.8)	91 (18.2)	4.06	.547		Tinggi
11 Saya tahu TP murid dalam PA-Digital merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid.	-	-	64 (12.8)	364 (72.8)	72 (14.4)	4.02	.522		Tinggi
12 Saya tahu PA-Digital menekankan perkembangan pembelajaran dan bukan untuk perbandingan pembelajaran murid	-	-	69 (13.8)	329 (65.8)	102 (20.4)	4.07	.582		Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>									
						<b>4.06</b>			<b>Tinggi</b>

Jadual 3 menunjukkan julat min *al-Hikmah* guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital adalah antara 3.92 hingga 4.31. Semua 12 item daripada tiga subdimensi iaitu Konsep, Objektif, Ciri-Ciri PBD dan Pentaksiran Alternatif Digital berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan kajian ini menunjukkan skor min tertinggi merujuk kepada item 6 yang berada di bawah subdimensi pertama iaitu konsep Pentaksiran Bilik Darjah dan Pentaksiran Alternatif Digital “*Saya tahu setiap pentaksiran perlu merujuk standard prestasi (DSKP) Pendidikan Islam*” dengan nilai min 4.31. 56.8 peratus daripada 500 responden setuju bahawa mereka sentiasa tahu bahawa setiap pentaksiran perlu merujuk standard prestasi (DSKP) Pendidikan Islam. Selain itu, terdapat 37.0 peratus responden sangat setuju bahawa mereka mereka sentiasa tahu bahawa setiap pentaksiran perlu merujuk standard prestasi (DSKP) Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil responden iaitu 6.2 peratus kurang setuju dan tiada seorang pun guru yang tidak setuju bahawa mereka tahu bahawa setiap pentaksiran perlu merujuk standard prestasi (DSKP) Pendidikan Islam.

Seterusnya, dapatkan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 3.92, iaitu item 4 “*Saya tahu PA-Digital dilakukan dengan menggunakan platform dan aplikasi digital atau berbantuan alat teknologi*”. Berdasarkan taburan soal selidik, 71.8 peratus daripada 500 responden setuju bahawa mereka tahu PA-Digital dilakukan dengan menggunakan platform dan aplikasi digital atau berbantuan alat teknologi. Hanya 10.2 peratus responden sahaja yang sangat setuju bahawa mereka tahu PA-Digital dilakukan dengan menggunakan platform dan aplikasi digital atau berbantuan alat teknologi. Terdapat juga sebilangan responden yang menunjukkan respons negatif, iaitu sebanyak 17.8 peratus responden kurang setuju dan 0.2 peratus responden sangat tidak setuju bahawa mereka tahu pentaksiran digital dilakukan dengan menggunakan platform dan aplikasi digital atau berbantuan alat teknologi. Secara keseluruhan, hasil kajian ini mendapati pengetahuan responden dalam pelaksanaan pentaksiran digital berada pada tahap tinggi. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah min 4.06. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa pengetahuan responden di sekolah kebangsaan di Malaysia dalam melaksanakan pentaksiran digital adalah sangat memuaskan.

(b) Tahap Akhlak *al-Iffah* (Nilai Etika) Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital

Hasil kajian mendapati tahap akhlak *al-iffah* responden dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital dikenal pasti berdasarkan 12 item yang terdapat dalam Bahagian B. Item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STS = Sangat Tidak Setuju, (2) TS = Tidak Setuju, (3) KS = Kurang Setuju (4) S = Setuju dan (5) SS = Sangat Setuju. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4. Berikut diuraikan secara terperinci tentang item-item yang menunjukkan maklum balas responden tentang *al-Iffah* (nilai etika) responden dalam pelaksanaan Pentaksiran Digital.

*Jadual 4 Analisis Item *al-Iffah* (Nilai Etika) Dalam Pelaksanaan PA-Digital*

Penyataan	Kekerapan & Peratusan					Min	S. P	Interpretasi
	STS	TS	KS	S	SS			
<b>Pandangan terhadap Pentaksiran</b>						<b>4.03</b>	<b>0.545</b>	<b>Tinggi</b>
1 Saya berpendapat PA-Digital merupakan komponen penting yang wajar diterapkan dalam PdPc Pendidikan Islam.	-	6 (1.2)	74 (14.8)	337 (67.4)	83 (16.6)	3.99	.602	Tinggi

*bersambung*

2	Saya berpendapat PA-Digital Pendidikan Islam memudahkan guru untuk mentaksir pada bila-bila masa dan di mana sahaja.	-	6 (1.6)	63 (12.6)	341 (68.2)	88 (17.6)	4.02	.605	Tinggi
3	Saya yakin perancangan awal diperlukan untuk melaksanakan PA-Digital dalam PdPc.	-	2 (0.4)	55 (11.0)	334 (66.8)	109 (21.8)	4.10	.579	Tinggi
<b>Tingkah Laku dalam Pentaksiran</b>									
4	Saya menggalakkan murid untuk melibatkan diri dalam pembelajaran mereka.	-	-	35 (7.0)	305 (61.0)	160 (32.0)	4.25	.573	Sangat Tinggi
5	Saya memberi bimbingan yang berterusan kepada murid.	-	-	28 (5.6)	294 (58.8)	178 (35.6)	<b>4.30</b>	.568	Sangat Tinggi
6	Saya membuat refleksi bagi menambah baik pengajaran dan pentaksiran.	-	1 (0.2)	36 (7.2)	322 (64.4)	141 (28.2)	4.21	.566	Sangat Tinggi
7	Saya bersedia untuk menyertai lebih banyak kursus berkaitan PA-Digital	-	2 (0.4)	88 (17.6)	327 (65.4)	83 (16.6)	3.98	.599	Tinggi
8	Saya berasa gembira untuk mengikuti kursus berkaitan PA-Digital	-	9 (1.8)	73 (14.6)	339 (67.8)	79 (15.8)	3.98	.613	Tinggi
9	Saya menyukai kursus PA-Digital melebihi perasaan tidak menyukai.	-	9 (1.8)	87 (17.4)	334 (66.8)	70 (14.0)	<b>3.93</b>	.618	Tinggi
<b>Perubahan dalam Pentaksiran</b>									
10	Saya sering membuat refleksi terhadap keupayaan saya melaksanakan PBD yang terkini	-	1 (0.2)	43 (8.6)	373 (74.6)	83 (16.6)	4.08	.505	Tinggi
11	Saya berasa gembira untuk mengetahui perkembangan dan perubahan terkini dalam PBD seperti pelaksanaan PA-Digital	-	1 (0.2)	60 (12.0)	366 (73.2)	73 (14.6)	4.02	.524	Tinggi
12	Saya membincangkan perkembangan dan perubahan dalam pelaksanaan PBD dengan rakan guru secara positif	-	1 (0.2)	55 (11.0)	346 (69.2)	98 (19.6)	4.08	.555	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>								<b>4.07</b>	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan julat min *al-‘Iffah* responden dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital adalah antara 3.93 hingga 4.30. Kesemua 12 item daripada tiga subdimensi iaitu pandangan, tingkah laku dan perubahan dalam pentaksiran berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan kajian ini menunjukkan skor min tertinggi merujuk kepada item 5 yang berada di bawah subdimensi kedua iaitu tingkah laku dalam pentaksiran “*Saya memberi bimbingan yang berterusan kepada murid.*” dengan nilai min 4.30. Sebanyak 58.8 peratus daripada 500 responden setuju bahawa mereka memberi bimbingan yang berterusan kepada murid. Selain itu, terdapat 35.6 peratus responden sangat setuju bahawa mereka memberi bimbingan yang berterusan kepada murid. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil responden iaitu 5.6 peratus kurang setuju dan tiada seorang responden yang tidak setuju bahawa memberi bimbingan yang berterusan kepada murid.

Seterusnya, dapatan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 3.93, iaitu item 9 “*Saya menyukai kursus Pentaksiran Digital melebihi perasaan tidak menyukai.*” Berdasarkan taburan soal selidik, 66.8 peratus daripada 500 orang responden setuju bahawa mereka menyukai kursus Pentaksiran Digital melebihi perasaan tidak menyukai. Hanya 10.2 peratus responden yang sangat setuju bahawa mereka menyukai kursus Pentaksiran Digital melebihi perasaan tidak menyukai. Terdapat juga sebilangan guru yang menunjukkan respons negatif, iaitu sebanyak 17.4 peratus responden kurang setuju dan 1.8% responden sangat tidak setuju bahawa mereka menyukai kursus Pentaksiran Digital melebihi perasaan tidak menyukai. Secara keseluruhan, hasil kajian ini mendapati nilai etika responden dalam pelaksanaan pentaksiran digital berada pada tahap tinggi. Jumlah skor min bagi tahap

ini ialah min 4.07. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa nilai etika responden sekolah kebangsaan di Malaysia dalam melaksanakan pentaksiran digital adalah sangat memuaskan.

(c) Tahap Akhlak *al- ‘Adlu* Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital

Hasil kajian mendapati *al- ‘Adlu* dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital dikenal pasti berdasarkan 12 item yang terdapat dalam Bahagian B. Item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STS = Sangat Tidak Setuju, (2) TS = Tidak Setuju, (3) KS = Kurang Setuju (4) S = Setuju dan (5) SS = Sangat Setuju. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Berikut diuraikan secara terperinci tentang item-item yang menunjukkan maklum balas responden tentang *al- ‘Adlu* (sikap adil) GPI dalam pelaksanaan Pentaksiran Digital

*Jadual 5 Analisis Item *al- ‘Adlu* (Pengetahuan) Dalam Pelaksanaan PA-Digital*

Penyataan	Kekerapan & Peratusan					Min	SD	Interpretasi
	STS	TS	KS	S	SS			
<b>Pelaporan Pentaksiran</b>								
1 Saya membuat pelaporan rekod prestasi murid secara saksama dua kali setahun.	-	-	38 (7.6)	315 (63.0)	147 (29.4)	<b>4.22</b>	.568	Sangat Tinggi
2 Saya melaporkan TP murid kepada ibubapa mereka	-	1 (0.2)	42 (8.4)	314 (62.8)	143 (28.6)	4.20	.583	Tinggi
3 Saya menyatakan cadangan tindakan susulan bagi meningkatkan potensi murid dalam Pendidikan Islam	-	-	39 (7.8)	332 (66.4)	129 (25.8)	4.18	.552	Tinggi
<b>Tindak Susul</b>								
4 Saya memberikan intervensi secara saksama kepada murid terhadap prestasi mereka setelah ditaksir.	-	-	42 (8.4)	350 (70.0)	108 (21.6)	4.13	.532	Tinggi
5 Saya mengenalpasti murid yang belum mencapai TP untuk tindakan susulan	-	-	31 (6.2)	339 (87.8)	130 (26.0)	4.20	.532	Tinggi
6 Saya melaksanakan tindakan susulan secara adil dan serta merta dalam PdP atau dirancang pada pdp seterusnya	-	-	31 (6.2)	346 (69.2)	123 (24.6)	4.18	.524	Tinggi
7 Saya menggunakan rekod pentaksiran untuk tindakan susulan yang lebih adil kepada murid	-	-	34 (6.8)	357 (71.4)	109 (21.8)	4.15	.514	Tinggi
8 Saya memberi peluang secara adil kepada murid mengukuhkan penguasaan dalam pengetahuan	-	-	35 (7.0)	330 (66.0)	135 (27.0)	4.20	.548	Tinggi
<b>Perekodan Data</b>								
9 Saya merekod dari semasa ke semasa supaya maklumat menyeluruh tentang penguasaan pembelajaran murid terkumpul dan mudah dirujuk.	-	-	46 (9.2)	341 (68.2)	113 (22.6)	4.13	.548	Tinggi
10 Saya sentiasa mengemaskini maklumat penguasaan murid dalam rekod pentaksiran saya.	-	-	55 (11.0)	334 (66.8)	111 (22.2)	<b>4.11</b>	.566	Tinggi
11 Saya merekod prestasi murid di dalam templat pelaporan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.	-	-	41 (8.2)	339 (67.8)	120 (24.0)	4.16	.546	Tinggi
12 Saya meningkatkan kemahiran mentaksir setelah beberapa kali menjalankan pentaksiran.	-	-	35 (7.0)	345 (69.0)	120 (24.0)	4.17	.531	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>								
<b>4.16 Tinggi</b>								

Jadual 5 menunjukkan julat min *al- ‘Adlu* dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital adalah antara 4.11 hingga 4.22. Kesemua 12 item daripada tiga subdimensi iaitu pelaporan pentaksiran, tindak susul dan perekodan data pentaksiran berada pada tahap yang

tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan skor min tertinggi merujuk kepada item 1 yang berada di bawah subdimensi pertama iaitu pelaporan dalam pentaksiran “*Saya membuat pelaporan rekod prestasi murid secara saksama dua kali setahun.*” dengan nilai min 4.22. Selain itu, 63.0 peratus daripada 500 responden setuju bahawa mereka memberi bimbingan yang berterusan kepada murid. Selain itu, terdapat 29.4 peratus guru yang sangat setuju bahawa mereka membuat pelaporan rekod prestasi murid secara saksama dua kali setahun. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil guru iaitu 7.6 peratus kurang setuju dan tiada seorang responden yang tidak setuju bahawa mereka membuat pelaporan rekod prestasi murid secara saksama dua kali setahun.

Seterusnya, dapatan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 4.11, iaitu item 10 di bawah subdimensi ketiga iaitu perekodan data, “*Saya sentiasa mengemaskini maklumat penguasaan murid dalam rekod pentaksiran saya*”. Berdasarkan taburan soal selidik, 66.8 peratus daripada 500 orang responden setuju bahawa mereka sentiasa mengemaskini maklumat penguasaan murid dalam rekod pentaksiran saya. Hanya 22.2 peratus responden sahaja yang sangat setuju bahawa mereka sentiasa mengemaskini maklumat penguasaan murid dalam rekod pentaksiran saya. Terdapat juga sebilangan responden yang menunjukkan respons negatif, iaitu sebanyak 11.0 peratus kurang setuju dan tiada seorang responden sangat tidak setuju bahawa mereka sentiasa mengemaskini maklumat penguasaan murid dalam rekod pentaksiran saya. Secara keseluruhan, hasil kajian ini mendapati nilai etika responden dalam pelaksanaan pentaksiran digital berada pada tahap tinggi. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah min 4.16. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa sikap adil responden dalam melaksanakan pentaksiran digital adalah sangat memuaskan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap akhlak guru secara keseluruhannya terhadap pelaksanaan Pentaksiran Aternatif Digital berada pada tahap tinggi. Aspek *al-'adlu* (sikap adil) mencatatkan skor min yang paling tinggi berbanding konstruk kajian akhlak guru lain, *al-'iffah* (nilai etika) dan *al-hikmah* (pengetahuan). Sikap adil dalam kalangan guru dilihat sebagai satu perkara yang sebatи dalam jiwa para guru. Aspek akhlak guru *al-'adlu* juga merupakan akhlak guru yang mempunyai nilai skor tertinggi. Menurut Siti Salwa & Azlina (2014) sikap adil seseorang itu berhasil atas nilai ketakwaan. Para pendidik yang bertakwa akan sentiasa melaksanakan tugas pendidikan ini dengan penuh keadilan. Ini kerana seorang insan apabila dia mempunyai rasa takwa di dalam dirinya, maka segala tugas yang dilakukan pasti akan berlandaskan paksi kebenaran. Kenyataan ini juga disokong oleh Aniza dan Zamri (2015) yang menyebut bahawa guru mempunyai peranan dan tanggungjawab penting dalam mendidik seseorang murid untuk menjadi lebih baik dengan memberikan penilaian terhadap mereka dengan cara menguasai pelbagai kaedah dalam pengajaran.

Hasil dapatan kajian menunjukkan aspek *al-'adlu* (sikap adil), *al-'iffah* (nilai etika) dan *al-hikmah* (pengetahuan) guru dalam melaksanakan pentaksiran digital adalah berada pada tahap tinggi. Ini bermakna ketiga-tiga akhlak guru ini perlu dikekalkan dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah kebangsaan. Apabila guru mempunyai ketiga-tiga akhlak Islam yang tinggi sudah pasti kebanyakan guru akan berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan Pentaksiran Digital dengan baik dan bersungguh-sungguh. Oleh itu, semua pihak yang berautoriti seperti KPM, JPN, PPD dan pihak sekolah perlu mengenal pasti punca, halangan dan masalah yang berlaku dalam pelaksanaan PBD agar akhlak guru *al-'adlu* (sikap adil), *al-'iffah* (nilai etika) dan *al-hikmah* (pengetahuan) terus disuburkan, ditambah baik dan dibudayakan dalam pelaksanaan pentaksiran di sekolah dengan sebaiknya.

Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa guru-guru sentiasa berakhlik dan bertingkah laku baik seiring dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. *Qudwah Hasanah* melalui tiga aspek akhlak Islam yang dikaji adalah diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua pendidik khususnya guru Pendidikan Islam agar mereka sentiasa mengamalkan akhlak guru yang baik terutama semasa proses melaksanakan Pentaksiran Alternatif Digital. Apabila warga pendidik menyedari kepentingan memiliki akhlak mulia seperti *al-hikmah*, *al-'iffah* dan *al-'adlu*, maka hasilnya wujudlah murid-murid yang bukan sahaja taat kepada perintah guru, bahkan akan taat kepada perintah Allah, Rasul dan ibu bapa. Inilah matlamat dan objektif akhir yang dimahukan oleh setiap guru dalam melaksanakan proses Pentaksiran Alternatif Digital di sekolah.

## Kesimpulan

Akhlik guru *al-hikmah*, *al-'iffah* dan *al-'adlu* berdasarkan teori berasaskan akhlak al-Ghazali memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital di sekolah. Pelaksanaan pentaksiran digital ini sudah pasti mempunyai pelbagai isu dan cabaran untuk dihadapi pada masa kini dan akan datang. Justeru, bagi menghadapi cabaran era digital yang semakin berkembang, guru perlu mengamalkan akhlak Islam yang sebenar. Sejajar dengan itu, pengkaji menyarankan kepada guru supaya sentiasa menambah baik akhlak Islam dalam merancang dan mengintegrasikan penggunaan aplikasi serta alat digital dengan lebih meluas dan berkesan bagi membentuk proses pembelajaran Pendidikan Islam yang lebih bermakna dan menyeronokkan. Setiap pendidik harus mempertingkatkan akhlak Islam mereka dalam pengintegrasian teknologi yang baharu supaya kecanggihan teknologi digital pada dekad ini seperti teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* dapat diurus dalam ruang lingkup Islam dan tidak dipengaruhi oleh sebarang anasir negatif yang boleh membawa keburukan kepada umat manusia.

Akhlik Islam wajar dibudayakan oleh guru agar menjadi *qudwah hasanah* kepada rakan guru lain dan murid dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital di sekolah kebangsaan. Ini kerana, akhlak guru yang baik akan mencerminkan keperibadian guru yang berakhlik mulia sejajar dengan agenda Dasar Pendidikan Digital 2023 yang menyebut bahawa KPM berhasrat melahirkan pendidik kompeten digital dan murid fasih digital. Kedua-dua teras ini boleh dicapai dengan baik dengan wujudnya akhlak Islam yang sebenar. Guru yang kompeten ini antara lainnya perlu memiliki ciri-ciri berpengetahuan, melakukan amalan profesionalisme, mempunyai nilai etika dan sentiasa bersikap adil dalam konteks ajaran Islam. Selain itu, akhlak guru yang baik juga adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam iaitu membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Walau bagaimanapun, sebagai guru pembentukan akhlak yang paling mulia adalah perlu merujuk kepada akhlak Rasulullah SAW. Firman Allah dalam Surah al-Ahzab ayat 21,

لَقَدْ كَانَ لِكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak mengingati Allah (dalam masa susah dan senang)”

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajury. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic Education* 2(1) 43-36.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 2(2) 53-63.
- Abdul Munir Ismail. (2018). *Tuntuan Akhlak Mulia dalam Kehidupan*. UPSI: Tanjung Malim.
- Ali, R. & Veloo, A. (2017). Teachers' Autonomy and Accountability in Assessing Students' Physical Education in School-Based Assessment. In *Teacher Empowerment Toward Professional Development and Practices* (pp. 71-83). Springer, Singapore.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamad Muhamas Imam, (2003). *Ihya' Ulum ad-din*, Jilid 2 dan 4. Kaherah: Maktabah as Safa.
- Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2008). *Modal Insan: Konsep, Aplikasi dan Isu-Isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Aniza Ahmad. (2015). Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 18-29
- Aslina Ahmad, Mohd Muzaffar Shah & Nazariah Ab Samad (2012). Dalam Muhammad Aziz Shah, Aslina Ahmad & Hazalizah Hamzah (Eds). *Pengenalan Pembangunan Sahsiah*. Perak: Emeritus Publications.
- Ashma Said, Darayani Johari, Noor Marina Yunus & Nurhidayah Mat Husin. (2022). Tahap Pemahaman dan Integriti Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*
- Baker, W. M., Lusk, E. J., & Neuhauser, K. L. (2012). On The Use of Cell Phones and Other Electronic Devices in The Classroom: Evidence From A Survey Of Faculty And Students. *Journal of Education for Business*, 87(5), 275–289.
- Hasmadi Hassan & Artika Rasul Sulaiman. (2019). Tahap kesediaan GPI dalam pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran sekolah rendah. *Seminar Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa 2019*.
- Haziyah, Nur Farhana, Najah Nadiah, Adawiyah & Zamzuri. (2021). Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani Cabaran Pandemik COVID-19. *Islamiyat* 43(1), 3 – 14.
- Jacob, R. & Parkinson, J. (2015). The potential for school-based interventions that target executive function to improve academic achievement: A review. *Review of Educational Research* 85(4): 512-552.
- Joshi, A., Vinay, M., & Bhaskar, P. (2020). Impact of Coronavirus Pandemic on The Indian Education Sector: Perspectives of Teachers on Online Teaching and Assessments. *Interactive Technology and Smart Education*, 18(2), 205–226.
- Kalai Selvan Arumugham. (2015). Pemahaman Guru Tentang Pentaksiran Formatif: Kajian Kes dalam kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah. Kertas Kerja Seminar Darulaman. Anjuran IPG Kampus Darulaman, Kedah. Oktober 2015.
- Kalai Selvan Arumugham. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal* 3(1) 152-161.

- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. (Tesis PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Keddie, A. (2018). *Adult Education: An Ideology of Individualism. In Adult Education for a Change* (pp. 45-64). Routledge.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan pelajaran Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) Pengajian Islam (Pengkhususan)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan Digital*. Kuala Lumpur: Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Suhaila Muner (2021). Tahap kesediaan guru sekolah rendah di Daerah Klang, Selangor dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dari Aspek Pengetahuan. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*. 3(9) 1-8.
- Mohamed Nazul Ismail. (2020). Cabaran Kepimpinan dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*. 2(3).
- Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli. (2022). Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 2(1), 43-55.
- Mohd Asri Abdullah et. al. (2010). *Prinsip-prinsip Asas Islam Syariah, Ibadat dan Akhlak*. Cetakan ketujuh. Shah Alam: University Publication Centre.
- Mohd Huzaimi Abdul Manap, Zolkepli Haron & Norasmah Othman. (2020). Penilaian Pelaksanaan Program Pentaksiran Alternatif sekolah rendah (PASR) di sekolah rendah Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1) Isu Khas: 9-16
- Muhammad Izzat Mailis. (2021). Pandangan dan Cabaran Guru terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) dalam Tempoh Pandemik Covid-19. *Jurnal Ilmi*. 11(2)14-25
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamat Maamor, Abdulla Abd Ghani, Norazlina Abd Wahab, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz & Nor Hanim Elias (2015) Kepentingan Elemen Kerohanian dalam Perlaksanaan Aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian Kes Di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. *Journal Of Global Business and Social Entrepreneurship (Gbse)*. 1(2) 77–88.
- Noorzeliana Idris, Norazilawati Abdullah & Saniah Sembak. (2014). Isu dan cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan Guru. Kertas kerja International Conference on Teachers Education (ICOTE). Brunei, 24-25 November
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Nik Azmah Nik Yusuff & Rosnidar Mansoroleh (2013). Aplikasi Persekutaran Pengajaran Maya (frog vle) dalam kalangan Guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 3(2), 63-76
- Oriji, A., & Amadi, R. (2016). E-education: Changing the Mindsets of Resistant and Saboteur Teachers. *Journal of Education and Practice* 7(16), 122–126.
- Retnawati, H., Hadi, S., & Nugraha, A. C. (2016). Vocational High School Teachers' Difficulties in Implementing the Assessment in Curriculum 2013 in Yogyakarta Province of Indonesia. *International Journal of Instruction*, 9(1), 33-48
- Rohana Misran, Mohd Aderi Che Noh & Maimun Aqsha Lubis. (2019). Pendekatan Gamifikasi Pembelajaran dalam Penilaian Pendidikan Islam: Pengenalan Kepada 'Plickers'. The 12th International Workshop and Conference of ASEAN Studies in Islamic and Arabic Education, Linguistics, Social Sciences and Educational Technology

- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9 (1) 56-67.
- Siti Mariam Zazam. (2018). Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sains Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Salwa Md. Sawari & Azlina Mustaffa (2014). Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandangan Ibnu Sohnun: Analisa Buku Adab Al-Mualim. *The Online Journal of Islamic Education*. 2(2).
- Sofiah Mohammed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. (2016). Akhlak guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2), 31-4.
- Suhaida Mohd Sukis, Norhisham Muhamad, Abd Hadi Borham. (2022). Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Di Sekolah Kebangsaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 578-600.
- Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan (2019). Tahap kepengetahuan Guru-Guru Pendidikan Islam terhadap Penggunaan Teknologi Mudah Alih dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1 (6).
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1993. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.